

Dekati golongan asnaf

► Program Ziarah Ramadan UMSKAL

VB 22.5.2019 B2

PROGRAM Ziarah
Ramadan UMSKAL
2019 yang dianjurkan
Sektor Hal Ehwal Pelajar
(SHEP) Universiti
Malaysia Sabah, Kampus
Antarabangsa Labuan
(UMSKAL) pada 16 dan 17
Mei lalu berjalan dengan
jayanya.

Pada tahun ini, rombongan UMSKAL menziarahi Pusat Dalam Komuniti Jalan Tenaga, PDK Mutiara Ganggarak, Pusat Madrasah Tahfiz Al-Quran Sri Merinding, golongan asnaf di Kampung Batu Arang, Bandar Labuan, Bukit Kuda, Sungai Miri, Bebuloh, Belukot, Sungai Buton, Sungai Keling dan Pohon Batu.

Penyelaras Program Noreenna Jufri berkata program pada tahun ini mendapat kerjasama daripada Sektor Hal Ehwal Islam dan Masjid (SHEIM), Islamic Relief serta Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita (Kesumba) UMS.

Katanya, seramai 20 asnaf menerima sumbangan daripada kakitangan UMS Labuan termasuk enam staf yang diwakili waris atau keluarga mereka.

Menurutnya program tahunan itu bertujuan menziarahi sambil memberikan sumbangan iklhas daripada kakitangan UMSKAL sendiri berupa barang keperluan asas dan wang tunai kepada waris ibu bapa kandung, anak, adik-beradik kakitangan UMSKAL yang telah meninggal dunia serta golongan asnaf fakir miskin bagi persediaan menyambut Aidilfitri di beberapa kampung yang terpilih di sini.

Selain itu, program



PELAJAR PDK Jalan Tenaga gembira menerima sumbangan daripada warga UMSKAL.

itu untuk memberikan sumbangan kepada golongan asnaf sekali gus dapat mengeratkan lagi silaturahim antara UMSKAL dan masyarakat setempat.

“Semoga sumbangan yang diberikan dapat meringankan lagi beban keluarga sempena menyambut bulan Ramadan dan Syawal akan datang,” katanya.

Sumbangan yang diberikan adalah berbentuk barang makanan kering keperluan harian seperti beras, minyak masak, gula, kicap, garam, tepung gandum, susu pekat dan biskut.

Nilai barang yang disumbangkan oleh Islamic Relief kepada golongan berkenaan adalah RM120 berupa barang keperluan kepada 20 penerima asnaf dan 5 kilogram x 10 paket beras kepada Pusat Komuniti dan Tahfiz.

Sementara ahli waris keluarga kakitangan UMSKAL yang telah

meninggal dunia menerima barang keperluan harian serta wang tunai bernilai RM200.

Kesumba UMS yang memerlukan wang tunai sebanyak RM2,600 untuk disumbangkan kepada 20 penerima asnaf dan enam kakitangan UMSKAL yang diterima waris serta keluarga masing-masing.

Penaung program itu ialah Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik, Pengurus Nur Iman Reedzal yang juga ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar manakala pemantau program ialah Mohd Fadzli Sarudi dan Earlene Kasamira Vashti Edham.

Noreenna berharap menerusi program Ziarah Ramadan itu, dapat membantu meringankan beban keluarga yang diziarihi bagi yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah, layak menerima sumbangan Ramadan mengikut kriteria yang ditetapkan seperti

golongan fakir miskin, ibu tunggal, warga emas yang tidak berkemampuan serta orang kelainan upaya (OKU).

Jelasnya ia merupakan program tahunan semasa bulan Ramadan oleh Sektor HEP untuk membantu masyarakat melalui program kemasyarakatan di samping memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan mendekati pihak pengurusan UMSKAL.

“Selain itu, program ini juga merupakan platform pihak UMSKAL untuk merapatkan hubungan silaturahim dan ukhwah antara pihak UMSKAL dan masyarakat setempat.

“Pihak UMSKAL berharap melalui program ini dapat membantu sedikit sebanyak beban yang ditanggung oleh mereka yang kurang bernasib baik untuk menjalani ibadah dengan sempurna pada bulan Ramadan.

“Ia adalah kesempatan yang diberikan Allah dan



USTAZ Khairul Isham menyampaikan sumbangan kepada pengetua Tahfiz Merinding.



NOREENNA (dua kanan) menyampaikan sumbangan kepada warga emas di Kg Sungai Buton.

penanda kepada syukurnya kita kepada nikmat Allah SWT. Semoga segala sumbangan sedekah yang diberikan mendapat keberkatan daripada-Nya,” katanya.

Rombongan UMSKAL itu turut disertai Penolong Pendaftar Kanan Fakulti Komputeran dan Informatik Norhanizah Adnan, Ketua Sektor Pentadbiran Mas Adi Alimin, Pustakawan Dayang Ruhidah Raplee dan Ketua Sektor Hal Ehwal Islam dan Masjid Ustaz Khairul Isham serta kakitangan yang mewakili sektor masing-masing.

Seorang kakitangan, Mat Rahim Matsin berharap program Ziarah Ramadan akan diteruskan bukan sahaja sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) UMSKAL kepada golongan yang kurang berkemampuan tetapi juga dapat menyelami

tunai kepada golongan asnaf di sini.

Katanya, kunjungan itu bukan sahaja untuk menyerahkan sumbangan tetapi jauh di sudut hati kakitangan UMSKAL tersimpan rasa kasih sayang dan simpati kepada mereka yang memerlukan bantuan dan perhatian daripada semua pihak.

“Ada antara mereka yang hidup serba kekurangan dengan rumah yang agak usang yang sewajarnya dibina semula atau dinaik taraf oleh pihak yang berwajib.

“Sekurang-kurangnya kunjungan saban tahun itu membuka mata kepada kakitangan UMSKAL melihat sendiri kehidupan golongan asnaf yang kurang berkemampuan.

kehidupan mereka yang serba kekurangan.

“Inilah ruang dan peluang berharga buat kakitangan UMSKAL melihat sendiri kehidupan sebahagian warga tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

“Malah kebanyakannya daripada kakitangan UMSKAL itu pertama kali menjakkan kaki ke lokasi penerima sumbangan walaupun jarak antara UMSKAL dan kampung berkenaan tidaklah terlalu jauh,” katanya.

Seorang lagi peserta

program, Junainah Yunus berkata Ziarah Ramadan adalah program yang dinanti-nantikan oleh kakitangan UMSKAL pada bulan Ramadan untuk menyampaikan bantuan barang makanan dan wang

Che Din Md Salleh yang saban tahun menyertai program itu berkata sebagai IPTA yang tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan, UMSKAL mahu menjalankan hubungan lebih rapat dengan masyarakat setempat khususnya golongan yang memerlukan bantuan.

“Kami mahu menceriakan golongan asnaf untuk meniti hari-hari mendatang khususnya pada bulan Ramadan dan Aidilfitri,” katanya.